

# PENJELASAN MAHATHIR

MM - 6 Dec 1981

**KUALA LUMPUR 5 Dis. - Malay-**  
**sia tidak bercadang untuk memu-**  
**tuskan hubungan diplomatik dengan**  
**Philipina walaupun Kerajaan Negeri Sa-**  
**bah mendesak supaya Kerajaan Pusat**  
**berbuat demikian sekiranya Philipina ti-**  
**dak menggugurkan tuntutan ke atas Sa-**  
**bah dan terus-menerus menuduh negeri**  
**itu menjadi pangkalan pemberontak-**  
**pemberontak Islam anti-Marcos.**

Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir  
Mohamad berkata hari ini, "soal Malaysia hend-  
dak memutuskan hubungan diplomatik dengan  
Philipina tidak timbul.

"Saya dapati bahawa apa yang dikatakan oleh  
Kerajaan Negeri Sabah, bukanlah mencerminkan  
pandangan Kerajaan Pusat," ujarnya sebagai men-  
gulas kenyataan Ketua Menteri Sabah Datuk Harris  
Salleh di Kota Kinabalu kelmari.

Bercakap dalam satu sidang akhbar selepas  
mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi  
UMNO di sini, Datuk Sri Dr. Mahathir juga mem-  
beritahu bahawa Presiden Marcos sendiri telah me-  
maklumkan kepadanya bahawa tuduhan-tuduhan,  
yang berbangkit ke atas Sabah adalah bukan satu  
pandangan Kerajaan Philipina.

Perdana Menteri berkata, "saya juga diberitahu  
bahawa laporan yang menyebut Menteri Pertahanan  
Philipina, Juan Ponce Earile menuduh pemberontak-  
pemberontak anti-Marcos menubuhkan sebuah kem  
latihan di Jampiran, Sandakan, tidak mencerminkan  
pandangan Kerajaan Philipina."

Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam  
juga memberi pandangan yang sama sambil mene-  
gaskan "soal memutuskan hubungan dengan Philipina  
semata-mata kerana tuduhan itu dan tuntutan negara  
itu ke atas Sabah adalah merupakan satu keputusan  
yang sangat ekstrim dan serius."

Bercakap kepada para wartawan di Labuan di  
akhir lawatannya selama tiga hari ke Sabah pagi tadi  
beliau berkata, "Malaysia tidak akan membenarkan  
wujud sebarang perkara yang boleh merosakkan se-  
mangat ASEAN yang telah dipupuk begitu lama.

"Kita percaya masalah-masalah antara negara-  
negara anggota ASEAN boleh diselesaikan melalui  
saluran-saluran diplomatik."

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri bagai-  
manapun berkata dakwaan kononnya Sabah diguna-  
kan sebagai pangkalan pemberontak-pemberontak  
anti-Marcos adalah tidak benar.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan Kera-  
jaan Malaysia tidak akan melibatkan diri dengan  
sebarang tindakan permusuhan terhadap mana-mana  
negara asing yang menggunakan Sabah sebagai pan-  
gkalannya.

Walaupun bagaimanapun, beliau menambah Malay-  
sia sedang berusaha untuk meminta penjelasan lanjut  
melalui saluran diplomatik biasa mengenai tuduhan-  
tuduhan setengah kalangan di Philipina ke atas per-  
kara tersebut.

Datuk Musa berkata sekalipun terdapat ramai  
pelarian Philipina di Sabah tetapi adalah sukar untuk  
dipastikan antara satu sama lain.

Katanya, apa yang sebenarnya menjadi masalah  
ialah berita-berita yang timbul beberapa hari lalu  
berasaskan pada saranan ataupun tohmah-tohmah  
menyatakan di Sabah ada sesuatu yang berlaku yang  
tidak diingini oleh pihak Philipina.

Timbalan Perdana Menteri menambah, "kita  
perlu memahami kenyataan bahawa di Philipina sen-  
diri ada golongan-golongan yang mendesak kerajaan  
dan Malaysia masih kurang pasti tentang latar bel-  
akang sebenar yang menyebabkan timbul perkara itu."

Dalam pada itu Datuk Musa menegaskan bahawa  
soal tuntutan Philipina ke atas Sabah tidak timbul dan  
isu ini telah diterangkan oleh kerajaan beberapa kali.

"Malah perkara ini memang diketahui umum  
oleh dunia termasuk Philipina sendiri," ujarnya.

Mengenai desakan  
Datuk Harris Salleh su-  
paya Malaysia memutuskan hubungan diplomatik  
dengan Philipina sekira-  
nya isu Sabah tidak dise-  
lesaikan segera, beliau  
berkata, pada saya apa  
yang dilahirkan oleh be-  
lieu adalah mencerm-  
inkan pandangan dan  
sentimen rakyat negeri  
ini seluruhnya.

Timbalan Perdana  
Menteri berkata soal itu  
adalah sangat serius dan  
ekstrim yang biasanya  
mencerminkan pilihan  
terakhir bagi sesebuah  
negara dalam hubungan  
antarabangsa.

"Saya hanya dapat  
berkata saya menghormati  
pandangan-pandangan  
Ketua Menteri Sabah itu kerana ia

mencerminkan pan-  
dangan dan sentimen ra-  
kyat negeri ini," katanya.  
Bagaimanapun tam-  
bah beliau, dalam kont-  
eks hubungan antara-  
bangsa Malaysia masih  
kuat dan kuat berpegang  
kepada konsep dan se-  
mangat ASEAN.

Datuk Sri Dr. Ma-  
hathir ketika ditanya  
sama ada pihak Philipina  
ada mengambil sebarang  
langkah konkrit ke arah  
menggugurkan tuntutan-  
nya ke atas Sabah ekoran  
janji Presiden Marcos  
hendak berbuat demikian  
di sidang kemuncak  
ASEAN tahun 1977,  
berkata:

"Kebelakangan ini  
terdapat sedikit tanda-  
tanda pihak Philipina  
hendak mengambil lang-  
kah tersebut dan kita

berminat untuk melihat  
isu ini dapat diselesaikan  
dalam mesyuarat antara  
negara-negara ASEAN  
yang akan diadakan.

Isu Sabah-Philipina  
telah menjadi hangat se-  
mula apabila seorang ahli  
Dewan Undangan Negeri  
Sabah, Encik Baharom  
bin Datuk Abu Bakar  
Kitingan menuduh Phil-  
ipina melemparkan ber-  
bagai tohmah terhadap  
negeri itu kebelakangan  
ini, dalam sidang Dewan  
itu baru-baru ini.

Katanya, "pihak  
Malaysia telah mengam-  
bil sikap berlembut da-  
lam hal ini sedangkan  
Philipina telah mengam-  
bil sikap sebaliknya telah  
melemparkan berbagai  
tohmah.

"Rakyat Sabah ti-  
dak tahan mendengar  
tohmah-tohmah itu lagi  
dan sekiranya Philipina  
enggan menggugurkan  
tuntutannya ke atas Sa-  
bah, saya tidak nampak  
apa perlunya kita  
mengekalkan hubungan  
diplomatik dengan Phil-  
ipina.

Datuk Harris Salleh  
telah mengulangi kenya-  
taan Encik Baharom itu  
ketika diminta mengulas  
mengenainya dan mem-  
beritahu bahawa ia  
membayangkan pendi-  
rian kerajaan negeri.